



KENYATAAN AKHBAR KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA

SITUASI SEMASA JANGKITAN PENYAKIT CORONAVIRUS 2019 (COVID-19) DI MALAYSIA 11 NOVEMBER 2020

STATUS TERKINI KES DISAHKAN COVID-19 YANG TELAH PULIH

Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) ingin memaklumkan bahawa pada hari ini, Malaysia mencatatkan bilangan kes pulih COVID-19 sebanyak **769 kes**. Ini menjadikan jumlah kumulatif kes yang telah pulih sepenuhnya dari COVID-19 adalah **31,073 kes** (72.5 peratus daripada jumlah keseluruhan kes).

Pecahan kes yang sembuh adalah seperti berikut:

- Sabah (553 kes);
- Selangor (98 kes);
- Negeri Sembilan (36 kes);
- Wilayah Persekutuan Labuan (25 kes);
- Pulau Pinang (18 kes);
- Sarawak (16 kes);
- Terengganu (10 kes);
- Kedah (5 kes);
- Johor (5 kes); dan
- Perak (3 kes).

STATUS TERKINI KES COVID-19 DI MALAYSIA

Secara keseluruhannya, sehingga 11 November 2020 pukul 12:00 tengah hari, sebanyak **822 kes baharu** telah dilaporkan menjadikan jumlah kes positif COVID-19 di Malaysia adalah sebanyak **42,872 kes**. Manakala, **jumlah kes aktif dengan kebolehjangkitan COVID-19 pula adalah 11,497 kes**.

Untuk makluman, negeri Sabah mencatatkan sebanyak 259 kes (31.5 peratus) daripada keseluruhan kes positif pada hari ini. Negeri-negeri di Lembah Klang pula mencatatkan sebanyak 202 kes (24.6 peratus) daripada jumlah keseluruhan.

Sebanyak 24 kes (2.9 peratus) yang dilaporkan adalah berkaitan kluster-kluster di Pusat Tahanan Sementara (PTS) dan penjara. Ini melibatkan Kluster Tembok (15 kes), Kluster Penjara Kepayan (3 kes), Kluster PTS Tawau (2 kes), Kluster Rumah Merah (2 kes), Kluster Penjara Sandakan (1 kes) dan Kluster Penjara Seberang Perai (1 kes).

Ingin dimaklumkan daripada 822 kes baharu pada hari ini, terdapat **tujuh (7) kes import yang mendapat jangkitan dari luar negara**. Kes-kes tersebut melibatkan satu (1) warganegara dan enam (6) bukan warganegara yang tiba dari negara:

- India (1 kes);
- Kanada (1 kes);
- Indonesia (1 kes);
- Emiriah Arab Bersatu (1 kes);
- Afghanistan (1 kes);
- Rusia (1 kes); dan
- Arab Saudi (1 kes).

Perincian kes penularan COVID-19 dalam negara adalah seperti berikut:

- **Sabah: 258 kes**
 - 56 kes daripada kluster-kluster, termasuk 12 kes daripada kluster baharu iaitu **Kluster Haven, Kluster Karamunting** dan **Kluster Saga**;
 - 91 kes daripada saringan kontak rapat kes positif COVID-19; dan
 - 111 kes daripada lain-lain saringan COVID-19.

- **Negeri Sembilan: 225 kes**
 - 221 kes daripada kluster-kluster sedia ada; dan
 - Satu (1) kes *Severe Acute Respiratory Infections* (SARI); dan
 - Tiga (3) kes daripada lain-lain saringan COVID-19.

- **Selangor: 176 kes**
 - 102 kes daripada kluster-kluster sedia ada;
 - 38 kes daripada saringan kontak rapat kes positif COVID-19; dan
 - 36 kes daripada lain-lain saringan COVID-19.

- **Wilayah Persekutuan Labuan: 46 kes**
 - 16 kes daripada kluster-kluster sedia ada;
 - 25 daripada saringan kontak rapat kes positif COVID-19; dan
 - Lima (5) kes daripada lain-lain saringan COVID-19.

- **Pulau Pinang: 26 kes**
 - 21 kes daripada kluster-kluster sedia ada;
 - Dua (2) kes *Severe Acute Respiratory Infections* (SARI); dan
 - Tiga (3) kes daripada lain-lain saringan COVID-19.

- **Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur: 17 kes**

- 14 kes daripada kluster-kluster sedia ada;
 - Dua (2) kes daripada saringan kontak rapat kes positif COVID-19; dan
 - Satu (1) kes daripada lain-lain saringan COVID-19.
- **Kedah: 17 kes**
 - 16 kes daripada kluster-kluster sedia ada; dan
 - Satu (1) kes daripada saringan kontak rapat kes positif COVID-19.
- **Sarawak: 14 kes**
 - Lapan (8) kes daripada kluster-kluster sedia ada;
 - Empat (4) kes daripada saringan kontak rapat kes positif COVID-19; dan
 - Dua (2) kes daripada lain-lain saringan COVID-19.
- **Perak: 14 kes** daripada kluster-kluster sedia ada.
- **Johor: 10 kes**
 - Tujuh (7) kes daripada kluster sedia ada;
 - Satu (1) kes daripada saringan kontak rapat kes positif COVID-19; dan
 - Dua (2) kes daripada lain-lain saringan COVID-19.
- **Melaka: Enam (6) kes** daripada kluster sedia ada.
- **Wilayah Persekutuan Putrajaya: Tiga (3) kes** daripada kluster-kluster sedia ada.
- **Perlis: Dua (2) kes** daripada kluster sedia ada.
- **Kelantan: Satu (1) kes** daripada kluster sedia ada.

Sehingga kini, terdapat **86 kes** positif COVID-19 yang sedang dirawat di **Unit Rawatan Rapi (ICU)**, di mana **30 kes** memerlukan bantuan pernafasan.

Daripada maklumat terkini yang dilaporkan ke *Crisis Preparedness and Response Centre* (CPRC) Kebangsaan, dukacita dimaklumkan bahawa terdapat pertambahan **dua (2) kes** kematian berkaitan COVID-19. Justeru, jumlah kumulatif kes kematian COVID-19 di Malaysia adalah sebanyak **302 kes** (0.7 peratus daripada jumlah keseluruhan kes).

Ringkasan kes-kes kematian hari ini adalah seperti berikut:

No. Kematian	Kes No.	Negeri	Jantina (Warganegara)	Umur (tahun)	Hospital	Latar Belakang
301	40565	Sabah	Perempuan (BWN)	22	Hospital Tuaran	Penyakit jantung reumatik dan aritmia jantung
302	41578	Sabah	Perempuan (BWN)	67	Hospital Duchess of Kent	Osteoathritits dan gastritis

*WN merujuk kepada warganegara dan BWN bukan warganegara

KKM mengucapkan takziah kepada semua ahli keluarga mereka.

TIGA (3) KLUSTER BAHARU DILAPORKAN HARI INI

KKM ingin memaklumkan bahawa terdapat **tiga (3) kluster baharu** telah dikenal pasti pada hari ini iaitu;

1. KLUSTER KARAMUNTING

Kluster baharu ini melibatkan daerah Sandakan di Sabah. Kes indeks bagi kluster ini (iaitu kes ke-18492) telah dikenal pasti positif COVID-19 hasil saringan individu bergejala pada 15 Oktober 2020 dan telah dimasukkan ke Hospital Duchess of Kent. Saringan kontak rapat telah mengesan sebanyak 20 lagi kes positif COVID-19. Kesemua kes tersebut dimasukkan ke Pusat Kuarantin dan Rawatan COVID-19 Berisiko Rendah Kompleks Sukan Sandakan dan Dewan Rafflesia Sandakan.

Sehingga 11 November 2020, 12 tengah hari, sejumlah 30 individu telah disaring, di mana:

- 21 kes dikesan positif COVID-19 (**6 kes baharu**); dan
- Sembilan (9) individu dikesan negatif.

2. KLUSTER SAGA

Kluster ini melibatkan daerah Kota Kinabalu, negeri Sabah. Kes indeks bagi kluster ini (iaitu kes ke-41492) telah dikenal pasti positif COVID-19 hasil saringan individu bergejala pada 8 November 2020. Saringan kontak rapat telah mengesan sebanyak lapan (8) lagi kes positif COVID-19. Kesemua kes telah dimasukkan ke Hospital Queen Elizabeth.

Sehingga 11 November 2020, 12 tengah hari, sejumlah 56 individu telah disaring, di mana:

- Sembilan (9) kes dikesan positif COVID-19 (**5 kes baharu**); dan
- 47 individu masih menunggu keputusan.

3. KLUSTER HAVEN

Kluster baharu ini melibatkan daerah Lahad Datu di negeri Sabah. Lima kes indeks bagi kluster ini telah dikenal pasti positif COVID-19 hasil saringan

individu-individu bergejala pada 5 November 2020. Saringan kontak rapat telah mengesan sebanyak enam (6) lagi kes positif COVID-19. Kes-kes ini dimasukkan ke Pusat Kuarantin dan Rawatan COVID-19 Berisiko Rendah Program Perumahan Rakyat (PPR) Payang dan Hospital Lahad Datu.

Sehingga 11 November 2020, 12 tengah hari, sejumlah 140 individu telah disaring, di mana:

- 11 kes dikesan positif COVID-19 (**1 kes baharu**);
- 112 individu dikesan negatif; dan
- 17 individu masih menunggu keputusan.

NASIHAT KESIHATAN BERKAITAN COVID-19

KKM ingin menasihati orang ramai agar terus patuhi saranan serta nasihat-nasihat kesihatan yang sering ditekankan. Jadikanlah nasihat-nasihat ini satu kebiasaan baharu dalam kehidupan harian:

- **Elakkan 3S / 3C** : iaitu elakkan kawasan yang **sesak (*Crowded place*)**, elakkan kawasan yang **sempit (*Confined space*)** dan elak **sembang** atau bertutur dengan **jarak yang dekat (*Close conversation*)**.
- **Amalkan 3W** : iaitu kerap mencuci tangan dengan air dan sabun (***Wash***), memakai alat pelitup muka (*facemask*) di tempat awam yang telah diwajibkan oleh pihak Majlis Keselamatan Negara (MKN) mulai 1 Ogos 2020 atau jika bergejala (***Wear***), dan (***Warn***) iaitu amaran dari KKM yang lebih berkonsep peringatan seperti:

- Elakkan bersalaman / bersentuhan termasuk melagakan mana-mana bahagian tubuh badan sebagai menggantikan cara kebiasaan bersalam;
- Amalkan etika batuk dan bersin;
- Dapatkan rawatan segera jika bergejala;
- Duduk di rumah dan elakkan kunjung-mengunjung;
- Lakukan aktiviti disinfeksi dan pembersihan di kawasan yang kerap disentuh.

Patuhlah kepada S.O.P sebagai normal baharu iaitu:

- **S** : Syarat-syarat seperti yang ditetapkan di bawah Perintah Kawalan Pergerakan Pemulihan (PKPP);
- **O** : Orang yang berisiko tinggi seperti kanak-kanak, bayi, warga emas dan orang kurang upaya (OKU) perlu dilindungi, individu tidak sihat dan bergejala dikehendaki segera menjalani pemeriksaan kesihatan;
- **P** : Penjarakan fizikal (*physical distancing*) sekurang-kurangnya 1 meter diamalkan pada setiap masa.

KKM akan terus memantau perkembangan kejadian jangkitan di dalam negara, dan juga luar negara melalui maklumat yang diperolehi daripada pihak Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO). Orang ramai akan sentiasa dimaklumkan sebarang perkembangan terkini mengenainya. Begitu juga, KKM akan memastikan langkah pencegahan dan kawalan yang sewajarnya adalah dilaksanakan secara berterusan.

Sekian, terima kasih.

TAN SRI DATO' SERI DR. NOOR HISHAM ABDULLAH
KETUA PENGARAH KESIHATAN MALAYSIA

11 November 2020 @ 5.30 petang.

LAMPIRAN 1**BILANGAN KES COVID-19 MENGIKUT NEGERI DI MALAYSIA
(SEHINGGA 11 NOVEMBER 2020, JAM 12:00 TENGAH HARI)**

NEGERI	BILANGAN KES BAHARU *()	BILANGAN KES KUMULATIF
SABAH	259 (1)	21,448
SELANGOR	178 (2)	6,701
W.P. KUALA LUMPUR	21 (4)	3,237
NEGERI SEMBILAN	225	2,679
KEDAH	17	2,237
PULAU PINANG	26	1,447
W.P. LABUAN	46	1,100
SARAWAK	14	1,011
JOHOR	10	959
PERAK	14	673
PAHANG	0	395
MELAKA	6	338
TERENGGANU	0	225
KELANTAN	1	198
W.P. PUTRAJAYA	3	184
PERLIS	2	40
JUMLAH KESELURUHAN	822 (7)	42,872

*() adalah merujuk kepada kes-kes import

**Status Terkini Kluster Aktif Yang Mencatat Kes Positif
(11 November 2020)**

Bil.	Kluster	Negeri	Daerah	Kes Baharu	Jumlah Kes	Jumlah Yang Disaring	Kes Aktif (Kes ICU)	Jumlah Sembuh	Jumlah Kematian
1	Cergas	Negeri Sembilan	Seremban	209	503	2,725	488 (0)	15	0
2	Perigi	Selangor	Klang	29	100	151	99 (0)	1	0
3	Hentian	Selangor, WP Kuala Lumpur & Putrajaya, Negeri Sembilan	Hulu Langat, Petaling, Sepang, Klang, Gombak, Cheras, Titiwangsa, Putrajaya, Seremban	26	489	2,306	214 (1)	275	0
4	Tapak Bina Damanlela	WP Kuala Lumpur, Selangor	Kepong, Titiwangsa, Lembah Pantai, Cheras, Gombak, Kuala Selangor, Petaling, Hulu Langat	23	61	557	61 (0)	0	0

5	Tembok	Kedah, Perak	Kota Setar, Baling, Kuala Muda, Sungai Petani, Kubang Pasu, Padang Terap, Sik, Larut Matang & Selama	15	1,785	9,319	227 (1)	1,553	5
6	Intan	Pulau Pinang, Kedah	Timur Laut, Barat Daya, Kuala Muda	15	85	791	84 (1)	1	0
7	Ria-30	Sabah	Tuaran	13	75	879	75 (0)	0	0
8	Buntar	Kedah, Perak, WP Kuala Lumpur & Putrajaya, Johor, Selangor, Pulau Pinang	Kuala Muda, Kerian, Kinta, Larut Matang & Selama, Batang Padang, Hilir Perak, Kampar, Kepong, Putrajaya, Batu Pahat, Johor Bahru, Petaling, Sepang, Seberang Perai Selatan	12	76	1,222	25 (0)	51	0

9	Kaya	Negeri Sembilan, WP Kuala Lumpur & Putrajaya, Melaka, Selangor, Johor	Seremban, Port Dickson, Kuala Pilah, Lembah Pantai, Cheras, Kepong, Putrajaya, Melaka Tengah, Sepang, Klang, Kuala Langat, Kuala Selangor, Petaling, Hulu Langat, Kluang, Kota Tinggi	10	703	2,489	293 (1)	410	0
10	Saguking	WP Labuan	Labuan	10	376	3,539	173 (0)	202	1
11	Lengkuk	Selangor, Negeri Sembilan	Sepang, Hulu Langat, Petaling, Seremban, Port Dickson, Rembau, Jelevu	9	214	804	191 (0)	23	0
12	Mampulut	Sabah	Keningau	9	78	465	75 (0)	3	0

13	Usaha	Selangor, WP Kuala Lumpur, Johor	Klang, Petaling, Kuala Langat, Kuala Selangor, Sepang, Titiwangsa, Lembah Pantai, Segamat	7	233	606	201 (0)	32	0
14	Padang	Johor	Kota Tinggi	7	13	681	13 (0)	0	0
15	Berendam	Melaka, Johor	Alor Gajah, Melaka Tengah, Tangkak	6	19	2,150	19 (0)	0	0
16	Teratai	Selangor	Klang, Kuala Selangor, Petaling, Hulu Langat	5	96	225	95 (0)	1	0
17	Greenhill	Sarawak	Kuching, Miri, Bintulu	5	87	1,433	49 (0)	38	0
18	Bah Medan	Selangor	Sepang	5	41	158	24 (0)	17	0
19	Liawan	Sabah	Keningau	5	29	100	29 (0)	0	0
20	Seri Terapi	WP Kuala Lumpur, Melaka	Kepong, Alor Gajah	5	18	429	18 (1)	0	0

21	Bayan	Pulau Pinang, Kedah, Perak	Timur Laut, Barat Daya, Seberang Perai Utara, Seberang Perai Tengah, Seberang Perai Selatan, Bandar Baharu, Kubang Pasu, Kuala Muda, Kulim, Kota Setar, Kerian, Larut Matang & Selama	4	128	3,191	59 (3)	69	0
22	Permatang	Kedah, Pulau Pinang, Perak, Perlis	Kulim, Langkawi, Kota Setar, Seberang Perai Tengah, Seberang Perai Utara, Timur Laut, Seberang Perai Selatan, Kinta, Arau	4	52	1,454	49 (3)	2	1
23	Bina Labuan	WP Labuan	Labuan	4	46	205	27 (0)	18	1
24	Dialisis	Sabah	Lahad Datu	4	43	121	38 (0)	5	0

25	Penjara Kepyayan	Sabah	Kota Kinabalu, Papar, Penampang, Sipitang	3	1,834	3,960	211 (1)	1,623	0
26	Wisma Saberkas	Sarawak	Kuching	3	39	1,139	37 (0)	2	0
27	PTS Tawau	Sabah	Tawau	2	611	1,671	156 (0)	454	1
28	Rumah Merah	Sabah	Kota Kinabalu	2	420	1,796	261 (1)	159	0
29	Rengas	Perak, Pulau Pinang	Kuala Kangsar, Seberang Perai Selatan	2	113	510	112 (0)	1	0
30	Tenaga	WP Labuan	Labuan	2	107	229	68 (0)	39	0
31	Basung	Sabah	Kudat	2	92	700	30 (0)	62	0
32	Nahaba	Sabah	Kota Belud	2	30	356	30 (0)	0	0
33	Penjara Seberang Perai	Pulau Pinang	Seberang Perai Selatan	1	503	3,167	215 (0)	288	0
34	Penjara Sandakan	Sabah	Sandakan	1	428	1,358	426 (1)	2	0

35	Utama	Selangor, Melaka, WP Kuala Lumpur	Gombak, Hulu Langat, Petaling, Kuala Selangor, Sepang, Alor Gajah, Lembah Pantai, Titiwangsa, Kepong, Cheras	1	264	1,227	35 (0)	229	0
36	Bah Manggis	Sabah, Selangor, Negeri Sembilan	Tawau, Kuala Langat, Klang, Gombak, Sepang, Seremban, Port Dickson	1	160	2,179	55 (0)	105	0
37	Tanamera	Sabah	Tawau, Tuaran	1	78	160	43 (0)	35	0
38	Bah Tropicana	Selangor, WP Kuala Lumpur	Petaling, Gombak, Klang, Titiwangsa, Lembah Pantai, Kepong, Cheras	1	71	908	15 (0)	56	0

39	Gedong	Negeri Sembilan, Selangor, Johor, WP Kuala Lumpur & Putrajaya	Seremban, Port Dickson, Rembau, Kuala Pilah, Tampin, Petaling, Gombak, Klang, Johor Bahru, Cheras, Lembah Pantai, Putrajaya	1	69	712	47 (0)	22	0
40	Keladi	Selangor	Klang, Kuala Langat	1	52	352	6 (0)	46	0
41	Taman Bunga	Negeri Sembilan	Seremban, Kuala Pilah, Jelebu, Jempol	1	48	1,138	16 (0)	32	0
42	Jernih	Negeri Sembilan	Seremban, Port Dickson	1	35	123	20 (0)	15	0
43	Bah Kenangan	Selangor	Hulu Langat	1	29	61	3 (0)	26	0
44	Seridana	WP Putrajaya	Putrajaya	1	16	98	13 (0)	3	0
45	Gala	Negeri Sembilan	Jelebu, Seremban	1	15	366	2 (0)	13	0

46	Kube	Kelantan	Kota Bharu, Tanah Merah	1	11	288	11 (0)	0	0
47	Mahkota	Selangor, WP Kuala Lumpur & Putrajaya, Sarawak	Hulu Langat, Kepong, Titiwangsa, Putrajaya, Sibul	1	10	63	9 (0)	1	0
48	Harmoni	WP Putrajaya	Putrajaya	1	6	80	6 (0)	0	0